

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2013/2014**

NAMA KURSUS : PEMULIHARAAN ALAM
SEKITAR
KOD KURSUS : BFC 10202/BFC 1062
PROGRAM : 1 BFF
TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2013/JANUAR1 2014
MASA : 3 JAM
ARAHAN : JAWAB EMPAT (4) SOALAN
SAHAJA

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI EMPAT (4) MUKA SURAT

SULIT

- S1**
- (a) Senaraikan **DUA (2)** contoh buatan manusia dan **DUA (2)** contoh sumber asli.
(4 markah)
 - (b) Jelaskan hubungan antara buatan manusia dan semula jadi.
(4 markah)
 - (c) Mengeluarkan, memproses dan menggunakan bahan api fosil akan membawa kesan negatif kepada alam sekitar. Terangkan kesan proses berikut.
 - (i) Pengumpulan
 - (ii) Pemprosesan
 - (iii) Penggunaan(7 markah)
 - (d) Manusia bertanggungjawab bagi pemuliharaan alam semula jadi. Jelaskan **LIMA (5)** pihak yang perlu bertanggungjawab untuk pemuliharaan tersebut.
(10 markah)
- S2**
- (a) Biodiversiti mempunyai tiga aras yang utama. Definisikan genetik, spesies dan ekosistem.
(6 markah)
 - (b) Bincangkan **TUJUH (7)** nilai-nilai biodiversiti dan berikan **SATU (1)** contoh kepada setiap nilai tersebut.
(7 markah)
 - (c) Jelaskan dengan ringkas **ENAM (6)** isu-isu yang kritikal yang perlu diselesaikan apabila menggariskan formula perancangan pemuliharaan biodiversity dan berikan **SATU (1)** contoh bagi setiap isu tersebut.
(12 markah)
- S3**
- (a) Terangkan **DUA (2)** perbezaan antara pemuliharaan *ex-situ* dan pemuliharaan *in-situ* dan berikan **SATU (1)** contoh bagi setiap satu pemuliharaan ini.
(4 markah)
 - (b) Anda boleh memilih untuk mengurus salah satu dari dua ekosistem yang diterangkan di bawah ini (i. ekosistem bakau dan ii. hutan hujan tropika yang rosak). Pilih salah **SATU (1)** dan berikan **EMPAT (4)** sebab mengapa anda memilih untuk mengurus ekosistem tersebut.

- (i) Ekosistem bakau sepanjang sungai berdimensi lebih kurang 400m x 300m. bilangan spesies tumbuhan bakau – 50; bilangan spesies haiwan – 150. Ekosistem bakau terletak bersebelahan sebuah ekosistem paya gambut.
- (ii) Sebuah hutan hujan tropika rosak berdimensi 6000m x 100m. Bilangan spesies tumbuhan 35; bilangan spesies haiwan - 150. Hutan di kelilingi oleh ladang kelapa sawit. (5 markah)
- (c) Pemuliharaan berkaitan dengan pembangunan mapan/lestari.
- (i) Terangkan dengan ringkas maksud pemuliharaan dan pembangunan mapan/lestari.
- (ii) Cadangkan **DUA (2)** perkaitan antara pemuliharaan dan pembangunan mapan. (7 markah)
- (d) Terdapat tiga prinsip yang memandu pemuliharaan iaitu perubahan berevolusi, ekologi dinamik dan kehadiran manusia. Terangkan setiap satu dari prinsip-prinsip ini dan berikan **SATU (1)** contoh bagi setiap satu prinsip. (9 markah)
- S4** (a) Dengan memberikan contoh yang bersesuaian, jelaskan peranan pihak berkuasa tempatan dalam mengekalkan alam sekitar yang baik. (5 markah)
- (b) Setiap negara di dunia telah menggubal rangka kerja peraturan mereka untuk memelihara alam semula jadi, namun masalah alam sekitar masih timbul. Nyatakan **LIMA (5)** isu-isu yang mungkin menyumbang kepada masalah ini. (5 markah)
- (c) Salah satu aspek yang berulang kali berlaku apabila membincangkan pengurusan alam sekitar adalah pendidikan alam sekitar.
- (i) Apakah objektif memperkenalkan pendidikan alam sekitar kepada anak-anak muda? Sokong jawapan anda dengan memberikan kaedah yang sesuai atau menggunakan teknik-teknik untuk membantu menjayakan pendidikan alam sekitar. (6 markah)

- (ii) Bincangkan **TIGA (3)** amalan dengan tema "**Sisa ialah Kekayaan**" sebagai sebahagian daripada pendidikan alam sekitar kepada orang ramai.

(9 markah)

- S5** (a) Dengan menggunakan **SATU (1)** contoh bencana alam yang anda pilih terangkan dengan ringkas impak atau kesan bencana tersebut kepada kerosakan fizikal, kerosakan persekitaran dan kesejahteraan manusia.
(5 markah)
- (b) Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan bencana dan berikan **TIGA (3)** contoh bencana alam yang mungkin boleh berlaku di Malaysia.
(8 markah)
- (c) Terdapat empat prinsip (4R) dalam pengurusan bencana alam: pengurangan risiko, kesediaan, respon dan pemulihan. Andaikan anda akan mengurus suatu bencana tsunami, terangkan secara ringkas bagaimana anda akan melaksanakan prinsip-prinsip tersebut.
(12 markah)

-SOALAN TAMAT-